

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KPM SAMBUT BAIK KESERIUSAN KERAJAAN DALAM MENANGANI
ISU SEKOLAH DAIF**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada laporan media berhubung kenyataan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim mengenai keseriusan kerajaan dalam menangani isu sekolah daif. KPM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri atas keprihatinan beliau dalam isu tersebut.

Dalam tujuh aspirasi KPM sebelum ini, agenda berkaitan pembangunan sekolah daif ini telah diberikan perhatian, maka pengumuman YAB Perdana Menteri tersebut adalah selaras dengan hasrat KPM untuk mengutamakan isu ini di seluruh negara.

KPM juga telah mengenal pasti bangunan-bangunan daif melalui analisis skor gred impak untuk keutamaan pelaksanaan projek ini. Berdasarkan kepada skor tersebut, KPM memberikan keutamaan untuk melaksanakan projek penggantian kepada blok bangunan di sekolah yang berada pada Skala 6 dan Skala 7. Sehingga 31 Januari 2023 sebanyak 830 buah sekolah mempunyai blok bangunan yang berada pada skala 6 dan 7 yang memerlukan penggantian atau pembangunan semula.

Bilangan bangunan daif ini adalah dinamik selaras dengan penyelesaian pelaksanaan pembangunan semula dan penerimaan untuk mengesyorkan tahap keselamatan bangunan oleh agensi teknikal. Projek yang diangkat untuk kelulusan pelaksanaan terdiri daripada senarai sekolah yang mempunyai bangunan daif pada skala 6 dan 7.

KPM komited dalam menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid serta warga sekolah di seluruh negara.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
13 FEBRUARI 2023